

21/10/1998

Mr Yen sokong langkah kawalan

NAIB Menteri Kewangan Jepun, Eisuke Sakakibara yang lebih dikenali sebagai 'Mr Yen' bersetuju dengan langkah drastik Malaysia mengawal tukaran asing secara berpilih.

Sambil menyifatkan langkah itu sebagai berani, beliau berkata, pasaran dan dunia keseluruhannya tidak boleh diharapkan membentuk rejim tukaran asing yang terbaik untuk dilaksanakan.

"Saya bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir," katanya sambil menoleh ke arah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang duduk di sebelahnya pada majlis soal jawab pada satu seminar di Toktyo, semalam.

Malaysia memperkenalkan dasar kawalan tukaran asing secara berpilih pada 1 September lalu dan sehari kemudian menetapkan kadar ringgit kepada RM3.80 berbanding satu dolar Amerika, langkah yang menamatkan terus sebarang tindakan menyerang ringgit apabila mata wang tempatan itu tidak sah lagi diperlakukan di luar pesisir mulai 1 Oktober lalu.

Pada seminar anjuran kumpulan akhbar Mainichi Shimbun itu, Dr Mahathir antara lain berkata, masalah dengan orang ramai adalah mereka sudah menetapkan fikiran mengenai sistem kewangan dunia.

"Kita harus mengikis pemikiran itu dan mengkaji kesan dan bukan semata-mata punca. Negara dan rakyat dimiskinkan daripada kesan buruk penetapan pasaran dan memanipulasikan kadar tukaran," kata Perdana Menteri.

Sakakibara juga memberi amaran bahawa kejatuhan ekonomi Jepun, kedua terbesar dunia tetapi menghadapi kemelesetan ekonomi terburuk selepas perang dunia kedua, bermakna ekonomi Asia keseluruhannya akan berada dalam senario 'sangat buruk'.

'Mr Yen' itu yang ungapannya kerap dikaitkan berupaya mempengaruhi pergerakan yen, berkata walaupun negaranya menghadapi masalah, ia berusaha untuk mempercepatkan pengagihan pakej bantuan Jepun AS\$30 bilion (RM114 bilion) bagi pemulihan ekonomi Malaysia, Singapura, Filipina, Indonesia dan Korea Selatan.

"Saya bersetuju dengan Perdana Menteri bahawa Jepun adalah negara kaya yang tertekan," katanya mengulas pandangan Dr Mahathir bahawa Jepun yang mempunyai banyak rizab asing dan lebihan dagangan, berupaya untuk menawarkan lebih banyak wang.

Namun kata beliau, ekonomi Jepun juga memerlukan bantuan dan dengan itu banyak wang diperlukan untuk memulih serta mengukuhkan ekonomi domestiknya manakala banknya menghadapi masalah kredit yang agak teruk.

(END)